

YURAN BUKU PAS SOALAN-SOALAN LAZIM

- 1. Apakah yuran buku pas?**
Ia adalah yuran yang dikenakan kepada Akaun Simpanan Am yang menggunakan buku pas.
- 2. Bagaimanakah potongan yuran ini dilakukan?**
Yuran ini dipotong secara automatik dari akaun Simpanan Am awda setiap 3 bulan.
- 3. Berapakah yuran yang dikenakan?**
Yuran yang dikenakan ialah \$2 setiap 3 bulan atau \$8 untuk setahun.
- 4. Adakah pengecualian untuk yuran ini?**
Ya. Untuk Akaun Wadiah Alaiku, Cemerlang, Jasawan, Tabung Haji, Akaun Perdana & Private. Akaun Dorman dan Akaun staf, dan akaun yang telah didaftar E-Statement tidak akan dikenakan yuran ini.
- 5. Mengapa kah BIBD mengenakan yuran buku pas ini?**
Semua bank komersial di Brunei Darussalam mengenakan yuran buku pas keatas pelanggannya. BIBD sehingga kini tidak mengenakan yuran buku pas tersebut. Namun, disebabkan kenaikan kos bagi mengekalkan buku pas ini, telah mengkehendaki kami untuk menyemak semula polisi yang sedia ada. Walau bagaimana pun, BIBD masih kekal kompetitif dikalangan bank komersial lain dan mengenakan yuran yang paling rendah dalam hal ini.

Di samping itu, ianya diharap akan dapat menggalakkan para pelanggan bagi sama-sama terlibat secara global dalam menggunakan kaedah percuma E-statement dan seterusnya memelihara alam sekitar.
- 6. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mau dikenakan yuran ini?**
Setelah awda mengaktifkan E-statement / Penyata-E, awda tidak lagi dikenakan bayaran yuran tersebut. Bagi transaksi di kaunter awda perlu membawa buku pas dan mendaftar spesimen tandatangan awda. Awda akan diberikan kad akaun bagi menggantikan buku pas tersebut. Awda perlu membawa kad akaun tersebut bagi membuat transaksi perbankan seterusnya.
- 7. Boleh kah saya membayar yuran ini melalui kaunter?**
Tidak. Yuran ini akan dipotong secara automatik melalui Akaun Simpanan Am awda.

- 8. Jika saya mempunyai 2 atau lebih akaun simpanan general, adakah saya dikenakan yuran untuk semua akaun tersebut?**
Ya. Yuran ini dikenakan keatas setiap Akaun Simpanan Am dan bukan berdasarkan setiap pelanggan.
- 9. Jika saya mempunyai akaun bersama dengan anak saya dibawah umur, adakah saya dikenakan yuran ini?**
Ya, jika akaun tersebut dibuka dibawah Akaun Simpanan Am.
- 10. Jika saya mempunyai akaun bersama dengan ibu bapa saya, warga emas, adakah saya dikenakan yuran ini?**
Ya, selagi akaun tersebut dibuka dibawah Akaun Simpanan Am, akaun tersebut akan dikenakan yuran buku pas
- 11. Jika saya telah mengaktifkan E-statement / Penyata-E, adakah kah saya boleh kembali kepada penyata buku pas?**
Tidak. Setelah awda mengaktifkan E-statement / Penyata-E, awda tidak boleh kembali menggunakan-penyata buku pas.